

Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara
Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains
(*UKM Graduate Employability: A Comparative Study Between
Science and Non-science Disciplines*)

SHAHARUDDIN AHMAD, NORAZIAH ALI & MOHD FAUZI HAMZAH

ABSTRAK

Usaha pengesanan dan menjejaki graduan IPTA telah lama dilaksanakan oleh semua universiti awam di Malaysia, termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM). Memiliki kerjaya seurus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Kajian ini cuba menganalisis kebolehpasaran graduan UKM berjumlah 32546 orang sejak tahun 2006 hingga 2010 yang terbahagi kepada pelajar gugusan sains dan bukan sains. Analisis kajian menggunakan kaedah statistik mudah seperti min dan peratusan. Kajian mendapati tiga status pekerjaan graduan seurus meninggalkan UKM, iaitu bekerja, mengikuti program pengukuhan sumber manusia, dan belum perolehi pekerjaan. Graduan bekerja merupakan kumpulan terbesar bagi tempoh 2006 -2010, dan didapati tiada perbezaan antara graduan sains dan bukan sains. Namun, graduan sains lebih besar nisbahnya bagi kategori pemantapan sumber manusia, tetapi lebih kecil nisbahnya bagi yang belum memperolehi pekerjaan. Sektor kerajaan dan swasta tempatan adalah tumpuan graduan UKM, diikuti sektor swasta asing. Keseluruhannya, kebolehpasaran graduan UKM dianggap secara relatif baik, dan dengan itu masih terdapat ruang yang perlu ditingkatkan menerusi program pembangunan kerjaya dan latihan industri di UKM. Selain itu, pelajar perlu digalakkan berniaga menerusi meningkatkan program keusahawanan supaya graduan tidak terlalu bergantung kepada pasaran kerja.

Kata kunci: Kebolehpasaran; disiplin sains; disiplin bukan sains; graduan; kemahiran insaniah

ABSTRACT

Task to trace and to tract graduates from the institute of higher learning has long been the exercise of universities, including Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Graduates gaining employment as soon as they leave universities is one indicator of employability. This study aims to analyse the employability of 32546 UKM graduates since 2006 through 2010, who are divided into science graduates and non science graduates. Data of the study was analysed using simple stastics such as mean and percentages to describe distribution pattern between groups and trend between years. This study divided the employment status of UKM graduates after graduation into three categories, namely employed, undergoing human resource programmes and unemployed. Employed graduates are the biggest group for the period 2006 – 2010, and the study found there is no significant different between science and non science graduates. However, the proportions of science graduate was slightly more undergoing human resource programmes but less in the unemployed category as compared to non science graduates. The study also found that the main employer of UKM graduates were the government and the local private sector, followed by foreign companies. On the whole, UKM graduates employability is consedered moderate and hence the need to improve employability through career development programmes and industrial training in the university. Besides, students must be encouraged to venture into business via entrepreneurship programmes so as to be independent of jobs market.

Keywords: Employablity; Science discipline; non-science discipline; graduate; soft skills

PENDAHULUAN

Memiliki kerjaya sejurus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Status bekerja dan pekerjaan graduan adalah jaminan kelangsungan hidup mereka yang telah melalui proses pembangunan modal insan semasa belajar bagi mengisi pelbagai jawatan yang diperlukan untuk pembangunan nasional. Menurut Amla (2011) kerjaya adalah pengalaman bekerja yang mempunyai kaitan dengan pilihan gaya hidup yang mempengaruhi kesejahteraan diri, dan dengan itu pilihan kerjaya adalah satu perancangan penting dalam kehidupan seseorang. Sehubungan hal ini, perancangan kerjaya semasa belajar oleh pelajar IPT seharusnya berjalan seiring dengan kursus yang diikuti.

Bagaimanapun, kebolehpasaran seseorang graduan adalah berbeza-beza sifat dan darajahnya. Persoalan bidang ilmu yang mereka ikuti dan CGPA pelajar, selain daripada kemahiran insaniah dan faktor peribadi adalah antara faktor kebolehpasaran graduan IPT. Kebolehpasaran graduan dari pusat pengajian tinggi dikaitkan dengan kecenderongan bakal majikan mengutamakan graduan memiliki kemahiran insaniah (Shaharuddin et al. 2010; Saemah et al. 2011; Vos et al. 2011), di samping kemahiran dan kecekapan tenaga kerja (Amla 2010, Ayiesah et al. 2010). RM ke-9 mengiktiraf gabungan pembangunan kemahiran dan kecekapan tenaga kerja dengan aspek pembangunan diri insan untuk menyediakan pasukan kerja yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.

Usaha pengesanan dan menjejaki graduan IPTA telah lama dilaksanakan oleh semua universiti awam di Malaysia, termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pejabat Perhubungan Alumni UKM telah dipertanggungjawabkan mengendalikan tinjauan pengesanan dan memproses borang soal selidik yang telah dipenuhi oleh para graduan pada setiap tahun untuk menghasilkan laporan tahunan.

Pengesanan graduan dan persepsi mereka tentang universiti semasa mereka belajar adalah penting atas beberapa sebab (Ramli

et al. 2009a). Pertamanya, menilai kembali segala pembelajaran yang mereka perolehi semasa mengikuti kursus di UKM. Keduanya, mengetahui dan menilai sejauhmana graduan UKM menghadapi pasaran dan persaingan memperolehi pekerjaan, sama ada di sektor awam maupun sektor swasta. Ketiganya, menganalisis keberkesanan kursus yang diajar di UKM dan memberi peluang kepada UKM memperbaiki mana-mana program atau kursus yang kurang mantap dan memberi kesan baik kepada graduan. Keempatnya, menilai sejauhmana graduan UKM dapat memanfaatkan apa yang dipelajari semasa di UKM untuk berdikari dan menjalankan kerja-kerja sendiri. Kelimanya, menilai dan menganalisis tahap kemahiran insaniah yang diperolehi oleh graduan semasa berada di UKM. Keenamnya, pandangan atau persepsi graduan berkaitan dengan infrastruktur yang ada di UKM agar diambil kira oleh pihak pentadbiran UKM untuk penambahbaikan. Infrastruktur yang difikirkan kurang memuaskan pelajar pada masa-masa lampau termasuklah bilik kuliah yang kurang selesa, makmal, perpustakaan yang kurang memuaskan pelanggan, kemudahan di kolej yang kurang menepati kehendak pelajar, keselamatan di kampus, kemudahan berekreasi/sukan, kemudahan pengangkutan di kampus dan sebagainya.

Atas segala pemasalahan inilah, maka artikel ini cuba menganalisis kebolehpasaran graduan UKM sejak tahun 2006 hingga 2010 berdasarkan status pekerjaan yang graduan UKM ceburi selepas meninggalkan kampus. Pendekatan yang digunakan dalam artikel ini ialah membanding kebolehpasaran tersebut mengikut dua gugusan utama, iaitu sains dan bukan sains.

SAMPEL DAN INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan graduan UKM sejak tahun 2006 hingga tahun 2010. Data kajian terdiri daripada semua graduan UKM dari pelbagai fakulti yang menghadiri upacara konvokesyen pada tahun mereka graduasi. Setiap graduan perlu melakukan pengesanan sebelum boleh diberi pinjaman gaun untuk menghadiri upacara konvokesyen. Semua graduan yang mengisi

borang soal selidik dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan graduan disiplin bukan sains dan kumpulan graduan disiplin sains. Kumpulan bukan sains terdiri daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Islam, dan Fakulti Undang-Undang. Bagi kumpulan sains pula terdiri daripada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi. Perlu diingat kajian ini tidak melibatkan graduan sarjana dan doktor falsafah.

Borang soal selidik standard yang dibekalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi telah digunakan bagi mengumpulkan maklumat para graduan UKM ini. Borang ini mengandungi lapan bahagian kesemuanya iaitu bahagian A hingga bahagian H. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan latar belakang responden manakala pengalaman semasa mengikuti pengajian di universiti memenuhi bahagian B. Bahagian C pula mengandungi soalan tentang pandangan responden terhadap keberkesanan sistem pengajian dan kesediaan diri; Bahagian D mengandungi soalan tentang pandangan responden terhadap isu melanjutkan pengajian manakala Bahagian E dan F, masing-masing menyentuh aspek status terkini dan aspek pekerjaan. Bahagian G dan H pula masing-masing terdiri daripada soalan status pekerjaan terkini dan soalan berhubung dengan sama ada responden memerlukan maklumat perkhidmatan melalui laman web atau emel.

Prosedurnya adalah graduan diminta menjawab soalan yang terdapat dalam borang soal selidik ini sebelum atau semasa mengambil gaun graduasi dengan cara dalam talian. Beberapa buah komputer disediakan di kawasan lapang dekat tempat mengambil gaun untuk mereka mengakses borang soal selidik tersebut. Semua soal selidik yang telah diisi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS+).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Taburan Jantina dan Etnik Graduan UKM

Bagi tempoh 2006 - 2010, seramai 32546 orang graduan UKM telah tamat pengajian prasiswazah dan memasuki pasaran buruh. Dalam tempoh sama jumlah graduan telah bertambah setiap tahun tetapi pada kadar semakin mengecil. Pada tahun 2007, kadar pertambahan graduan ialah sebanyak 26.3%, tetapi pada tahun 2010 pertambahan graduan ialah -0.1%. Situasi ini mempunyai kaitan dengan polisi kerajaan yang menghendaki universiti berstatus universiti penyelidikan seperti UKM mengurangkan pengambilan pelajar prasiswazah tetapi meningkatkan kadar siswazah sarjana dan kedoktoran.

Jadual 1 dan 2 menunjukkan peratusan jantina dan kumpulan etnik graduan sejak tahun 2006 hingga 2010. Secara umumnya, pelajar wanita di semua IPT, termasuk UKM, adalah kumpulan majoriti. Taburan gender graduan di UKM adalah tidak seimbang dengan nisbah jantina 1: 2.1. Jumlah graduan wanita bertambah sehingga 2008 tetapi menurun selepas itu dengan nisbah jantina 1: 2.0 pada tahun 2009 dan 1: 1.8 pada tahun 2010.

Pola taburan graduan mengikut etnik juga menunjukkan ketidakseimbangan dengan majoriti graduan UKM adalah etnik Melayu, diikuti Cina, Indian dan lain-lain etnik. Bagi tempoh 2006 – 2010, nisbah graduan Melayu bertambah sehingga mencapai 71.1% pada tahun 2010. Tetapi bagi etnik lain, kecuali lain-lain etnik, Jadual 2 menunjukkan nisbah penurunan bagi tempoh yang sama.

Selain pola gender dan etnik, graduan UKM terbahagi kepada dua jurusan pengajian, iaitu sains dan bukan sains. Persoalan kebolehpasaran graduan mengikut jurusan mampu menggambarkan beberapa keadaan. Antaranya, bidang pekerjaan yang banyak menawarkan peluang pekerjaan dan di samping itu, keupayaan graduan mengisi kerja yang ditawarkan.

JADUAL 1. Taburan responden mengikut jantina, 2006-2010

Jantina/tahun	2006	2007	2008	2009	2010
Lelaki	1622(31.8%)	2040(31.7%)	2118(31.0%)	2385(33.3%)	2495(35.6%)
Perempuan	3483(68.2%)	4406(68.3%)	4707(69.0%)	4774(66.7%)	4516(63.4%)
Jumlah	5105(100%)	6446(100%)	6825(100%)	7159(100%)	7011(100%)
Nibah jantina	1:2.2	1:2.2	1:2.2	1:2.0	1:1.8

JADUAL 2. Taburan responden mengikut kumpulan etnik, 2006-2010

Etnik/tahun	2006	2007	2008	2009	2010
Melayu	3395(66.5%)	4391(68.1%)	4719(69.1%)	4914(68.6%)	4982(71.1%)
Cina	1287(25.2%)	1436(22.3%)	1534(22.5%)	1635(22.8%)	1349(19.2%)
India	225(4.4%)	225(4.4%)	239(3.5%)	240(3.4%)	275(3.9%)
Bumiputra	173(3.4%)	272(4.2%)	160(2.3%)	209(2.9%)	147(2.1%)
Lain-lain Bangsa	25(0.5%)	347(5.4%)	173(2.5%)	161(2.3%)	258(3.7%)
Jumlah	5105(100%)	6446(100%)	6825(100%)	7159(100%)	7011(100%)

Status Kebolehpasaran Graduan UKM

Sehubungan dengan faktor jantina dan etnik, isu kebolehpasaran graduan sukar untuk dikaji kerana majikan secarannya amnya tidak menetapkan prasyarat jantina dan etnik untuk jawatan yang akan diisi. Dunia pekerjaan di Malaysia bersifat terbuka dan dengan itu setiap graduan mempunyai peluang sama untuk mendapat kerja - tidak kira lelaki atau perempuan, dan tanpa mengira latar belakang etnik. Perkara paling penting yang dicari oleh majikan pada para graduan ialah bidang pengajian yang sesuai dengan sifat kerja yang ditawarkan, dan kualiti sahsiah diri graduan. Sesuai dengan perkembangan sosioekonomi negara yang menumpukan kepada sains dan teknologi, dijangka bidang pekerjaan yang berasaskan sains dan teknologi adalah lebih banyak ditawarkan berbanding pekerjaan lain.

Dalam konteks itu, status pekerjaan graduan adalah terjemahan kepada kebolehpasaran graduan dan sekaligus mencerminkan kualiti atau ciri graduan yang diperlukan oleh bakal majikan. Jadual 3 memperlihatkan status pekerjaan graduan UKM mengikut jurusan dan tahun. Status pekerjaan graduan terbahagi kepada bekerja, pemantapan sumber manusia dengan mengikuti kursus atau melanjutkan pelajaran, dan belum bekerja. Secara umumnya, nisbah graduan UKM yang memperolehi

pekerjaan adalah melebihi 55%, kecuali pada tahun 2006. Perbandingan antara jurusan menunjukkan perbezaan tidak begitu ketara antara graduan sains dan bukan sains. Malah, trend kelebihan graduan sains memperolehi pekerjaan hanya berlaku pada tahun 2006 dan 2007, tetapi keadaan sebaliknya dilihat selepas itu.

Bagi kategori graduan tidak bekerja, Jadual 3 menunjukkan nisbah graduan sains lebih tinggi berbanding graduan bukan sains pada tahun 2006 dan 2008. Namun, pada tahun berikutnya, didapati perbezaan tidak begitu jelas antara graduan sains dan graduan bukan sains. Sementara bagi kategori graduan mengikuti pelbagai program memantapkan modal manusia, nisbah graduan sains adalah melebihi bukan sains bagi semua tahun, kecuali pada tahun 2006. Kajian Pengesanan Graduan UKM 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010 melaporkan bahawa graduan yang melanjutkan pelajaran bertujuan sama ada untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik, meningkatkan prospek kerjaya atau kerana minat mendalami ilmu. Jadual 4 menunjukkan nisbah graduan sains yang melanjutkan pelajaran lebih tinggi berbanding bukan sains, tetapi pola sebaliknya bagi program memantapkan kemahiran. Dijangka mereka yang melanjutkan pelajaran mampu meningkatkan darjah kebolehpasaran apabila mereka memiliki kelayakan tambahan.

JADUAL 3. Kedudukan graduan UKM selepas meninggalkan kampus, 2006-2010

	2006		2007		2008		2009		2010	
	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)
Bekj	923(38.2) 18.1	1039(38.9) 20.4	1725(59.4) 27.1	2099(60.8) 33.0	1600(56.6) 30.1	1537(61.6) 28.9	1786(59.2) 32.1	1398(54.8) 25.1	2436(68.5) 34.8	2282(66.1) 32.5
PSM	334(13.8) 6.6	119(4.5) 2.3	220(7.6) 3.5	319(9.2) 5.0	208(7.4) 3.9	221(8.9) 4.2	240(8.0) 4.3	334(13.1) 6.0	289(8.1) 4.1	357(10.3) 5.1
BK	1161(48.0) 22.8	1515(56.6) 29.8	961(33.0) 15.1	1037(30.0) 16.3	1019(36.0) 19.1	737(29.5) 13.8	992(32.8) 17.8	820(32.1) 14.7	832(23.4) 11.9	815(23.6) 11.6
Jumlah	2418(100)	2673(100)	2906(100)	3455(100)	2827(100)	2495(100)	3018(100)	2552(100)	3557(100)	3454(100)
Jumlah	5091(100)		6361(100)		5322(100)		5570(100)		7011(100)	

Nota: B.S = Bukan sains; S = Sains

Bekj = Bekerja; PSM = Pemantapan sumber manusia; BK = Belum bekerja

Nilai % condong = peratusan kategori status graduan daripada keseluruhan graduan tahun berkaitan

JADUAL 4. Perincian status graduan UKM selepas meninggalkan kampus, 2006-2010

	2006		2007		2008		2009		2010	
	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)	B.S(%)	S(%)
Bekj	923(38.2) 18.1	1039(38.9) 20.4	1444(49.7) 22.7	2001(57.9) 31.5	1133(40.1) 21.3	1298(52.0) 24.4	1383(45.8) 24.8	1171(45.9) 21.0	2000(56.2) 28.5	2013(58.3) 28.7
MP	-	-	126(4.3) 2.0	291(8.4) 4.6	114(4.0) 2.1	196(7.9) 3.7	139(4.6) 2.5	251(9.8) 4.5	198(5.6) 2.8	329(9.5) 4.7
Mkem	-	-	94(3.2) 1.5	28(0.8) 0.4	94(3.3) 1.8	25(1.0) 0.5	101(3.4) 1.8	83(3.3) 1.5	91(2.6) 1.3	28(0.8) 0.4
MPP	-	-	281(9.7) 4.4	98(2.8) 1.5	467(16.5) 8.8	239(9.6) 4.5	403(13.4) 7.2	227(8.9) 4.1	436(12.3) 6.2	269(7.8) 3.8
BK	1161(48.0) 22.8	1515(56.6) 29.8	961(33.1) 15.1	1037(30.1) 16.3	1019(36.1) 19.1	737(29.5) 13.8	992(32.8) 17.8	820(32.1) 14.7	832(23.3) 11.9	815(23.6) 11.6
Lain2	334(13.8) 6.6	119(4.5) 2.3	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	2418(100)	2673(100)	2906(100)	3455(100)	2827(100)	2495(100)	3018(100)	2552(100)	3557(100)	3454(100)
Jumlah	5091(100)	6361(100)	5322(100)	5570(100)	7011(100)					

Nota: B.S = Bukan sains; S = Sains

Bekj = Bekerja; MP = Melanjutkan pelajaran; Mkem = Meningkatkan kemahiran; MPP = Menunggu penempatan kerja;

BK = Belum bekerja


JADUAL 5. Bilangan Graduan UKM mengikut sektor pekerjaan dan disiplin, 2007-2010

Pekerjaan/ Tahun	2007			2008			2009			2010		
	BS	S	BS	S	BS	S	BS	S	BS	S	BS	S
Kerajaan	250(29.2)	430(30.2)	379(33.5)	398(30.7)	702(50.7)	426(36.4)	560(45.8)	511(38.9)				
Badan Berkanun	45(5.3)	53(3.8)	58(5.1)	41(3.2)	75(5.4)	39(3.3)	66(5.4)	53(4.0)				
Swasta/ Multinasional/ asing	130(15.2)	352(24.7)	182(16.1)	297(22.9)	111(8.0)	194(16.6)	118(9.6)	249(19.0)				
Swasta tempatan	361(42.2)	552(38.8)	390(34.4)	464(35.7)	409(29.6)	416(35.5)	372(30.4)	405(30.8)				
Perusahaan sendiri	69(8.1)	36(2.5)	50(4.4)	42(3.1)	42(3.0)	32(2.7)	49(4.0)	39(2.9)				
GLC	-	-	29(2.6)	27(2.1)	21(1.5)	31(2.7)	22(1.8)	16(1.2)				
NGO	-	-	29(2.6)	15(1.2)	9(0.7)	16(1.4)	21(1.7)	22(1.7)				
Lain-lain	-	-	16(1.3)	14(1.1)	15(1.1)	18(1.5)	16(1.3)	19(1.5)				
Jumlah	855(100.0)	1423(100.0)	1133(100.0)	1298(100.0)	1384(100.0)	1172(100.0)	1224(100.0)	1314(100.0)				

BS = Bukan Sains; S = Sains

Kebolehpasaran juga boleh diterjemahkan daripada sektor pekerjaan yang diceburi graduan. Jadual 5 memberi gambaran tentang pola pekerjaan graduan mengikut sektor pekerjaan dan berdasarkan jurusan pengajian, sementara itu Rajah 1 menterjemahkan sektor pekerjaan graduan dalam kumpulan sama secara grafik. Secara amnya, komponen sektor pekerjaan pada setiap bar mewakili graduan sains dan bukan sains secara berasingan bagi setiap tahun graduasi.

Kajian mendapati pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta tempatan merupakan tumpuan graduan kedua-dua jurusan, dan diikuti oleh sektor swasta asing. Ketiga-tiga sektor merupakan sektor yang paling banyak menawarkan kekosongan jawatan. Perbandingan pola sektor pekerjaan mengikut jurusan tidak menunjukkan perbezaan nyata antara graduan sains dan bukan sains. Maksudnya, penawaran pekerjaan adalah agak seimbang bagi graduan sains dan graduan bukan sains.



RAJAH 1. Taburan sektor pekerjaan graduan Bukan Sains (BS) dan Sains (S) UKM, 2007-2010

Graduan yang berjaya menceburi pekerjaan di sektor GLC dan perusahaan sendiri adalah agak kecil bagi kedua-dua kumpulan graduan, dan nisbah bagi tempoh kajian tidak menunjukkan perkembangan yang memberansangkan. Sehubungan dengan pola ini, pekerjaan di GLC menuntut kualiti graduan yang cemerlang dan berinovasi. Justeru, potensi untuk bekerja di sektor tersebut memerlukan UKM menyediakan graduan yang memenuhi kehendak bakal majikan, di samping membantu graduan menerusi pembangunan kerjaya memanfaatkan jaringan terkini dengan pihak GLC.

Sektor keusahawanan juga bukan merupakan sektor pekerjaan yang meluas kepada graduan UKM. Potensi mengusahakan syarikat keluarga atau syarikat persendirian memerlukan graduan menanam dan memiliki

daya keusahawanan semasa belajar lagi. Dengan itu, sektor ini dijangka membuka peluang dan ruang kepada lebih ramai graduan untuk bergiat dalam pelbagai bidang perniagaan dan perkhidmatan, sejajar dengan perkembangan sosioekonomi negara. Kira-kira sejak tahun 2007, pihak UKM terutamanya di bawah mantan Pusat Perkembangan Pelajar (PPP) mengendalikan beberapa kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar yang ingin mengikutinya. Program yang dibiayai oleh agensi kerajaan seperti MARA ini bertujuan mendedahkan dan membekalkan ilmu perniagaan kepada pelajar semasa mereka masih menuntut di UKM. Tujuannya adalah untuk membuka minda pelajar agar berminat menjalankan perusahaan sendiri apabila keluar dari universiti nanti.

Selain itu, pihak UKM juga menyediakan tempat pelajar menjalankan perniagaan kecil-kecilan yang dikenali sebagai 'ekoteres' di dalam kawasan universiti. Bagaimanapun, pelajar terlebih dahulu perlu membentuk kumpulan kecil peniaga yang terdiri daripada pelajar-pelajar berlainan tahun pengajian. Mereka perlu memohon tempat kepada PPP dan persatuan yang berjaya diberi RM500 sebagai inisiatif memulakan perniagaan di ekoteres. Di peringkat kolej kediaman pula, dibawah esco jawatankuasa siswa (JAKSA) keusahawan, pelajar yang mendiami kolej berkaitan boleh juga melibatkan diri dalam perniagaan di kolej. Ini adalah beberapa contoh usaha UKM meningkatkan kemahiran insaniah pelajar khususnya dalam bidang keusahawanan semasa menuntut di UKM.

KESIMPULAN

Isu kebolehpasaran graduan dan masalah graduan menganggur adalah fenomena di pasaran kerja akibat interaksi antara peluang pendidikan di IPT dan peluang pekerjaan. Di satu pihak, IPT seperti UKM perlu bersifat dinamik untuk selalu relevan dengan pasaran pekerjaan. Di pihak lain, majikan menekankan kemahiran employability seperti motivasi tinggi, mahir suai diri, mahir berkomunikasi dan mahir selesa masalah, selain kemahiran khusus. Pendidikan kerjaya mampu menjadi jambatan antara keduanya untuk membantu pelajar dan pencari kerja untuk membina laluan kerjaya mereka. Status kebolehpasaran graduan UKM adalah relatif baik kerana kumpulan memprolehi kerja dan positif bakal mendapat kerja semasa atau selepas 5 bulan tamat belajar adalah kumpulan majoriti. Namun, saiz graduan menganggur adalah stigma kepada pembangunan negara yang perlu diminimumkan ke paras sifar.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan diberikan kepada pihak pengurusan Pejabat Perhubungan Alumni UKM yang sudi membekalkan Laporan Pengesanan Graduan UKM (2006-2010).

RUJUKAN

- Amla Mohd Salleh 2010. Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ayiesah Ramli, Roslizawati Nawawi dan Chun, M.P.P.2010. Employees' perception of employability skills needed in todays workforce among physiotherapy graduates. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7(C): 455-463
- Li, T. dan Zhang, J. 2010. What determines employment opportunity for college graduates in China after higher education reform? *China Economic Review*, 21: 38-50
- Pejabat Perhubungan Alumni. 2006. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan UKM tahun 2006*. Bangi. Penerbit UKM
- Pejabat Perhubungan Alumni. 2007. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan UKM tahun 2007*. Bangi. Penerbit UKM
- Pejabat Perhubungan Alumni. 2008. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan UKM tahun 2008*. Bangi. Penerbit UKM
- Pejabat Perhubungan Alumni. 2009. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan UKM tahun 2009*. Bangi. Penerbit UKM
- Pejabat Perhubungan Alumni. 2010. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan UKM tahun 2010*. Bangi. Penerbit UKM
- Ramli Omar, Koh Aik Khoo, Mohd Fauzi Hamzah dan Siti Rohaya Ahmadan. 2009a. Graduates' perceptions towards UKM's infrastructure. *College Student Journal*, 43(4): 1333-1336
- Ramli Omar, Koh Aik Khoo, Mohd Fauzi Hamzah dan Siti Rohaya Ahmadan. 2009b. 2006-2008 studies on the employability of UKM graduates. *College Student Journal*, 43(4): 1337-1340
- Rothwell, A., Jewell, S. Dan Hardie, M. 2009. Self-perceived employability: Investigating the responses of post-graduate students. *Journal of Vocational Behavior*, 75: 152-161
- Saemah Rahman, Seri Bunian Mokhtar, Ruhizan Mohd Yasin dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Generic skills among technical students in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Science*, 15: 3713-3717
- Shaharuddin Ahmad, Noriah Mohd Ishak, Khaidzir Ismail dan Jumali Selamat. 2010. Generic competency profile among students in institute of higher learning: A case of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. *College Student Journal*, 44(3): 811-820

- Vos, A.D., Hauw, S.D. dan Van der Heijden, B.I.J.M.
2011. Competency development and career success: The mediating role of employability. *Journal of Vocational Behavior*, 79: 438-447
- We, C.C. 2011. High graduate unemployment rate and Taiwanese undergraduate education. *International Journal of Educational Development*, 31: 303-310

Shaharuddin Ahmad (Prof. Dato' Dr.)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor
E-mel: shah@ukm.my

Noraziah Ali (Prof. Madya Datin)
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor
E-mel: noraziah@ukm.my

Mohd Fauzi Hamzah (Encik)
Pejabat Perhubungan Alumni
Aras 2, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor
E-mel: mdfauzi@ukm.my